

Lima tan kokain dirampas dalam kapal selam di Lautan Pasifik

27 September 2019

Lima tan kokain dirampas dalam kapal selam di Lautan Pasifik

WASHINGTON - Sebuah kapal selam buatan sendiri yang membawa lebih 5 tan kokain dipintas di Lautan Pasifik dekat pantai Amerika Selatan, kata pasukan Pengawal Pantai Amerika Syarikat (AS).

Kapal selam sepanjang 12 meter itu berjaya dikesan menerusi pemantauan maritim, demikian menurut satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan pada Selasa lalu.

Pasukan Pengawal Pantai AS menggeledah kapal selam itu pada 1 September lalu di perairan antarabangsa dengan bantuan tentera laut Colombia, tambah kenyataan sama.

Mereka menemui kira-kira 5.4 tan kokain dalam kapal selam tersebut, dengan nilai pasaran lebih AS\$165 juta (RM692 juta).



AFP

SEBAHAGIAN daripada 5 tan kokain yang dirampas daripada sebuah kapal selam milik kartel dadah di perairan Amerika Selatan pada 1 September lalu.

Seramai empat suspek penyeludup dadah ditahan semasa operasi itu.

Selain pesawat dan bot laju, kartel-kartel dadah Amerika Selatan terutamanya dari Colombia menggunakan kapal selam separa untuk membawa

dadah ke Mexico sebelum diseludup ke AS.

Pada Julai lalu, Pengawal Pantai AS mengumumkan rampasan 13 tan kokain menerusi berbilang operasi di rantau Amerika Latin.
- AFP